

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 _____ senaman boleh membantu melatih gerakan bersesuaian untuk semua peringkat umur.

A Jurubantu	C Jurubina
B Jurulatih	D Jurupulih
- 2 Pakar kesihatan menyarankan kita _____ melakukan senaman aerobik secara konsisten sekurang-kurangnya tiga puluh minit setiap hari.

A kerana	C bahawa
B supaya	D apabila

Soalan 3 – 5

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 3 Amalan pengambilan makanan yang ^Asihat seharusnya ^Bdipupuk dari rumah dan seelok-eloknya ^Csejak dari peringkat awal usia kanak-kanak. ^DTiada kesalahan.
- 4 Penyakit tibi boleh menyebabkan kematian ^Abila pesakit tidak mengambil perhatian serius untuk merawat dan ^Bmematuhi tempoh rawatan yang telah ^Cditetapkan. ^DTiada kesalahan.
- 5 Amalan mencuci tangan ^Aadalah satu langkah ^Bpaling mudah yang boleh ^Ckita ambil untuk mengelakkan ^Djangkitan penyakit. ^ETiada kesalahan.

Soalan 6 – 7

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 6 Pengambilan makanan segera secara berlebihan mendedahkan kita kepada pelbagai penyakit tanpa kita sedari.

A mendedah kita pada
B mendedahkan kita pada
C mendedahkan kepada kita
D mendedahkan kita kepada
- 7 Terdapat beberapa panduan pemakanan seimbang yang harus dipatuhi oleh kita bagi mengekalkan kesihatan badan.

A harus kita patuhi
B kita harus patuhi
C kita harus dipatuhi
D harus dipatuhi oleh kita

Soalan 8

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 8 Setiap individu haruslah mengambil berat terhadap penjagaan kesihatan diri agar dapat mencegah diri daripada menghadapi penyakit yang berbahaya.
 Peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah

A malang tidak berbau.
B sudah terhantuk baru tengadah.
C mencegah lebih baik daripada mengubati.
D sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya.

Ulasan
Jawapan PT3 2019

Sistem Bahasa Bahagian A – Soalan 1
 Jawapan ialah C. Pengandaian separa pada kata berawalan *setidak-tidaknya* mempunyai maksud *sekurang-kurangnya* paling sesuai dengan konteks ayat.